

03/08/2003

Lelaki penakut cerai melalui SMS

Raihanah Abdullah; Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin; Hafizah Iszahanid  
JIKA sebelum diijab kabul si lelaki sedia melalui adat yang digariskan agama dan budaya setempat seperti merisik, bertunang, bersanding dan `berani' berdepan dengan pegawai syarak untuk melangsungkan majlis ijab kabul, kenapa pula ketika mahu bercerai dengan wanita pilihan hati, memilih jalan paling mudah hanya dengan menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Adakah masyarakat Islam kini sudah ketandusan adab dan nilai sopan serta sanggup membelakangkan adab yang dituntut syariat ketika mahu bercerai, walaupun perceraian itu diharuskan oleh Islam tetapi dibenci oleh Allah kerana ia memutuskan ikatan suami isteri dan anak-anak.

Agama Islam mengharuskan teknologi demi maslahat (kebaikan) dan kemudahan tetapi umatnya tidak pula disuruh menyalahgunakan teknologi untuk memuaskan diri agar matlamat tercapai. Inilah yang dikhuatiri oleh agama Islam dan sejak akhir-akhir ini kebimbangan itu menjadi kenyataan.

SMS yang berbunyi: "Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga" sudah pun menimbulkan perdebatan di seluruh negara sehingga Kabinet terpaksa campur tangan bagi meredakan soal ini, apatah lagi isu SMS sudah digunakan media asing untuk memperlekeh agama Islam.

Jika sebelum ini kes Aida Melly menjadi isu hangat kerana kesukarannya untuk bercerai yang memakan masa bertahun-tahun, lafaz cerai menggunakan SMS oleh Shamsudin Latif kepada bekas isterinya, Azida Fazlina Abdul Latif pada 18 April lalu pula mendedahkan betapa mudah pula untuk bercerai di negara ini.

Pelbagai lapisan masyarakat memperkatakan isu ini dari peringkat rakyat bawahan sehinggalah kepada ahli politik dan ahli akademik serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mahkamah Syariah Gombak Timur sudah mengesahkan perceraian melalui SMS itu pada 24 Julai lalu dan ia sudah termaktub dan Kabinet sendiri mengarahkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), menjalankan kajian lebih lanjut mengenai penggunaan SMS dan medium elektronik lain untuk melafazkan cerai.

Perlu diingat, kes Shamsudin dan Azida Fazlina, sebenarnya bukan yang pertama kali berlaku kerana mengikut laporan media massa, sudah ada beberapa kes sama sebelum itu.

Apa yang nyata kes SMS ini memberi peluang kepada pelbagai pihak untuk meneliti semua kaedah perceraian yang berlaku di luar mahkamah bagi memastikan gejala ini tidak berleluasa hingga menimbulkan lebih banyak masalah pada masa depan.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Abdul Monir Yaacob yang diminta mengulas isu ini, berkata kerajaan berhak mewujudkan undang-undang menghalang penggunaan kaedah elektronik, termasuk SMS sebagai satu cara perceraian.

Katanya, ini kerana jika kaedah itu tidak dibendung penggunaannya, ia akan menjurus kepada mempercepatkan keruntuhan institusi kekeluargaan di negara ini.

"Tidak salah kerajaan berbuat demikian kerana ia sejajar dengan kehendak Islam. Kerajaan mempunyai kuasa melakukan sesuatu perkara, termasuk menggubal undang-undang yang bertujuan untuk kebaikan masyarakat Islam," katanya dalam pertemuan di pejabatnya di IKIM, baru-baru ini.

Malah, katanya perkara baik pun kerajaan boleh halang seperti yang dilakukan oleh Khalifah Saidina Umar al-Khattab.

"Ketika itu ada golongan ahli kitab dan lelaki Islam boleh mengahwini perempuan ahli kitab. Tetapi demi kebaikan masyarakat Islam, Umar kata, tidak boleh.

"Ini dilakukan walaupun Islam membenarkan (berkahwin). Melalui dikri Khalifah, Umar tidak membenarkan perkahwinan demikian kerana ia akan mendatangkan fitnah kepada wanita Islam," katanya.

Dr Abdul Monir berkata, sedangkan perkara yang dibolehkan Islam kerajaan boleh larang, inikan pula perkara yang tidak ada pada masa itu seperti SMS.

Beliau mengakui mungkin ada pihak yang tidak bersetuju dengan pandangannya, tetapi jika Saidina Umar boleh melarang perkara yang dibenarkan Islam, kerajaan sekarang mempunyai hak yang sama, apatah lagi SMS seumpama itu mendatangkan kemudaratan.

"Saya sudah nampak bibit-bibit yang merosakkan masyarakat Islam yang perlu dihalang menggunakan cara perundangan. Ini boleh dilakukan sama ada melalui akta sedia ada yang perlu kita pinda, tidak ada masalah.

"Mahkamah juga boleh semak, terpulanglah kepada mahkamah," katanya.

Beliau menyifatkan isu SMS timbul kerana umat Islam sudah tidak lagi menghormati harga diri orang lain.

Sehubungan itu katanya umat Islam, sama ada lelaki atau perempuan perlu menghormati harga diri, termasuk ketika bercerai kerana penggunaan SMS tidak wajar dilakukan.

"Manusia mempunyai harga diri dan kehormatan. Kita bukan barang. Tuhan berikan harga diri dan kehormatan, mengapa manusia tidak memelihara anugerah itu.

"Mengapa benarkan harga diri dan kehormatan manusia lain diperlakukan sewenang-wenangnya," katanya.

Dr Abdul Monir berkata, perkahwinan mempunyai nilai rahmah atau belas kasihan serta kasih sayang yang perlu dipertahankan hingga saat-saat akhir perkahwinan.

Bagaimanapun, katanya nilai itu tidak akan wujud jika perceraian boleh dilakukan menggunakan SMS.

Katanya, niat untuk bercerai boleh disampaikan melalui penggunaan teknologi seperti SMS, faks, e-mel dan telefon, tetapi ia terdedah kepada penyelewengan.

Cara terbaik untuk bercerai, katanya ialah pasangan terbabit berdepan dan boleh melihat antara satu sama lain.

Beliau berkata, cara dan kesannya berbeza apabila ada pertemuan kerana ia membabitkan aspek mental. Jika menggunakan teknologi, luahan perasaan terbatas dan tidak dapat diluahkan.

"Ini tidak... tengok muka tidak, cakap tidak, tanya khabar atau minta pandangan tidak. Adakah manusia seperti belon, meletup begitu saja.

"Adakah lelaki fikir hanya dia perlu dihormati, perempuan tidak payah. Perempuan saja perlu hormati lelaki dan lelaki tidak payah," katanya.

Beliau mengajak umat Islam melihat cara orang zaman dulu bercerai yang disifatkannya sebagai dimaklumkan dengan cara terbaik.

"Lelaki dulu jika bercerai akan duduk bersama isterinya dan berkata: Inilah pemberian atau hadiah yang dapat saya berikan kepada kamu kerana perpisahan kita atau kerana jodoh kita tiada lagi. Adakah orang sekarang dapat lakukan seperti itu," katanya.

Beliau berkata, antara punca pasangan hari ini bercerai kerana perubahan sistem masyarakat yang menyebabkan peranan keluarga dan saudara mara semakin hilang.

Jika di kampung pada zaman dulu, masyarakat mengambil tahu apa yang berlaku di kampung menyebabkan sebarang salah laku adalah tanggungjawab bersama untuk dibetulkan.

Bagaimanapun, katanya masyarakat hari ini bersikap individualistik

sedangkan ketika berkahwin, anggota keluarga dan saudara mara dipanggil untuk meraikannya.

"Saya menyarankan setiap pasangan supaya membabitkan keluarga, ibu bapa dan adik beradik, jika melihat ada yang tidak serasi dalam perhubungan suami isteri.

"Suami isteri yang bermasalah boleh berkata: Saya rasa kurang selesa, apa pandangan keluarga," katanya.

Beliau mengingatkan pasangan bermasalah bahawa walaupun mereka merahsiakan kemelut rumah tangga yang dihadapi, masyarakat tetap akan